Zuraida berkata, terdapat pelbagai insentif menarik yang ditawarkan pada HOC berkenaan, antaranya diskaun RM30,000 melalui Skim Perumahan Mampu Milik dan pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik kerajaan serta perjanjian pinjaman.

Selain itu katanya, pemberian diskaun dan rebat sehingga 30 peratus bagi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) terpilih, tawaran baucer sehingga RM30,000 dalam bentuk peralatan elektrik dan perabot bagi pembeli rumah PR1MA terpilih dan cabutan bertuah harian.

"Kita sasarkan sebanyak 80 peratus rumah akan terjual pada HOC ini dan saya harap golongan B40 dan M40 akan mengambil kesempatan untuk membuat permohonan.

"Ini adalah pusat sehenti di mana mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian dan terus membuat permohonan," katanya.

Sementara itu, mengenai 39 keluarga di Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh yang duduk di khemah selepas rumah mereka dirobohkan bagi kerja pelebaran Sungai Kedondong, Zuraida berkata, penduduk boleh datang ke kementeriannya untuk membuat permohonan rumah dan pihaknya akan melihat perkara itu mengikut kesesuaian.